

# MCA, MIC pertahan sekolah tiga aliran

Oleh Mohd Fuad Razali, Ismail Mat, Magendran Rajagopal, Munaarfah Abu Bakar dan Rohanita Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - MCA dan MIC hari ini mempertahankan sistem pendidikan pelbagai aliran yang disifatkan sebagai munasabah serta dapat memenuhi kehendak pelbagai kaum di negara ini.

Kedua-dua parti itu juga menolak anggapan konon sistem pendidikan yang diamalkan sekarang menyukarkan usaha memupuk perpaduan rakyat.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata sistem sekarang tidak menghalang murid pelbagai kaum untuk ber-

Kedua-dua parti itu juga menolak anggapan kononnya sistem pendidikan yang diamalkan sekarang menyukarkan usaha memupuk perpaduan rakyat

gaul, malah penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah aliran Cina dan Tamil, membolehkan pelajar memahami pengajaran dengan lebih cepat dan mendalam.

Sebaliknya, beliau menyarankan supaya rancan-

gan integrasi sekolah yang digubal Kementerian Pendidikan 15 tahun lalu, dilaksanakan segera bagi membolehkan murid, ibu bapa serta guru sekolah pelbagai aliran di kawasan berdekatan, bergaul antara satu sama lain.

Menerusi rancangan itu, katanya, sekolah terbahagi boleh bergilir mengendalikannya pelbagai cara bersama, seperti sambutan Hari Guru.

"Saya percaya perpaduan pelbagai kaum di negara ini penting. Kerana itulah 15 tahun lalu, sewaktu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjadi Menteri Pelajaran dan saya menjadi timbalannya, kita mengadakan perbincangan dan mengubal rancangan integrasi sekolah," katanya selepas merasmikan konve-

syen Universiti Sheffield Hallam di sini.

Dr Ling juga menyarankan kerajaan membina sekolah pelbagai aliran di kawasan berdekatan untuk membolehkan rancangan integrasi itu dilaksanakan.

Menurutnya, pembinaan sekolah pelbagai aliran itu tidak perlu dilakukan di dalam kawasan yang sama seperti dirancang menerusi program Sekolah Wawasan yang sangat sensitif dan ditolak banyak pihak.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu perpaduan yang dikatakan

sukar dipupuk dari peringkat awal kerana sebilangan besar murid bukan Melayu bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJK) dan Tamil (SJKT).

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, dipetik *Berita Minggu* hari ini sebagai berkata, lebih 90 peratus kanak-kanak Cina bersekolah di SJK, lebih 65 peratus kanak-kanak India bersekolah di SJKT, manakala lebih 95 peratus anak Melayu masuk sekolah kebangsaan.

K keadaan itu, katanya, jika dibiarkan akan meny-

babkan perpaduan kaum semakin longgar dan usaha mengukuhkan kembali perpaduan sudah terlewat jika dilakukan apabila kanak-kanak mencapai usia dewasa.

LIHAT MUKA 2

# Anggapan sistem pendidikan punca ketegangan kaum tidak munasabah

DARI MUKA 1

lain apabila memasuki sekolah menengah.

"Sekolah aliran Melayu, Cina dan India sudah wujud hampir seratus tahun tanpa sebarang masalah kerana murid ketiga-tiga kaum itu masih berpeluang bergaul apabila memasuki sekolah menengah.

"Jadi, tidak munasabah untuk mengangap isu seperti pergaduhan di Kampung Medan yang terjadi kerana perselisihan faham, berpunca daripada kepincangan sistem pendidikan negara.

"Maklum balas yang saya dapat setakat ini membuktikan pergaduhan di situ berpunca daripada tekanan kemiskinan dan ketiadaan kemudahan asas," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Kampung Medan di sini.

Bagaimanapun, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berpendapat proses integrasi perlu berlangsung pada usia muda bagi memudahkan ia berlangsung

secara semulajadi.

Katanya, sistem pendidikan kini hanya mewujudkan pemisahan lebih besar di kalangan pelajar apabila pada peringkat sekolah rendah mereka didedahkan dalam lingkungan aliran masing-masing.

"Jika sistem dan dasar pendidikan yang ada perlu dinilai dan dikaji semula demi masa depan pembinaan bangsa Malaysia, pada saya itu tidak menjadi masalah.

"Saya rasa perlu ada perubahan kerana Menteri Pendidikan sendiri dengan terbuka menyatakan pandangannya terhadap isu ini, jadi sudah tiba masanya perubahan perlu dibuat," katanya di sini.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye berkata, sistem pendidikan sekarang selaras Perlembagaan yang memberi rakyat kebebasan mendapatkan pendidikan mengikut aliran masing-masing dan ini tidak menurus kepada perkauman.

Beliau yang juga Ahli

Panel Penasihat Perpaduan Negara berkata, isu perkauman sebenarnya tidak wujud di sekolah, walaupun sebahagian murid bukan Melayu bersekolah di SJK dan SJKT.

"Soal perkauman dan pendidikan sepatutnya tidak boleh ditimbulkan kerana ditakuti menjejaskan hubungan rakyat," katanya.

Di MUAR, Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat, berkata kewujudan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil perlu diterima semua pihak kerana ia sudah dipersetujui secara bersama, termasuk mendapat kelulusan Parlimen.

Beliau berkata, kekurangan yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar itu pula adalah perkara biasa yang boleh diikhtirakan penyelesaiannya.

"Sebenarnya, dasar pendidikan kita cukup jelas, ia merangkumi kewujudan sekolah aliran kebangsaan, Cina dan Tamil pada peringkat sekolah rendah

yang dipersetujui pelbagai pihak dan dasar itu diluluskan oleh Parlimen.

"Namun, sukatan pelajaran tetap sama di semua sekolah dan menjadi usaha berterusan memupuk patriotisme di kalangan rakyat berbilang kaum. Bahasa pengantar hanya alat semata-mata.

"Sekiranya, perbezaan bahasa pengantar diangap sebagai bukti untuk mendakwa sistem pendidikan kita bercorak perkauman, saya tidak dapat terima sama sekali," katanya selepas merasmikan Majlis Taklimat Program Pendidikan anjuran Pemuda MCA Kebangsaan di Tangkak, petang ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, yakin sistem persekolahan sekarang masih mampu memupuk identiti Malaysia.

"Penggunaan bahasa tertentu tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah, yang penting ikhtiar untuk kita mengatasinya," katanya.